

Sokongan visual untuk anak buta warna

Oleh **MOHAMMAD NOR FITRI HASAN**
gayautusan@mediamulia.com.my

BUTA warna kongenital (pewarisan) merupakan salah satu jenis anomali disebabkan oleh kecacatan pada Kromosom-X yang diwarisi daripada ibu sejak lahir.

Hasil dapatan kajian yang dijalankan di Ethiopia terhadap kanak-kanak sekolah rendah melibatkan 844 kanak-kanak mendapati 4.1 peratus daripada mereka mengalami defisiensi penglihatan warna dengan 3.6 peratus lelaki dan 0.6 peratus perempuan terjejas.

Dalam kalangan kanak-kanak, situasi itu sukar dikesan khususnya di peringkat awal persekolahan kerana mereka menganggap bahawa itulah cara dunia dilihat oleh kanak-kanak lain dan di tambah pula jika mempunyai tahap penglihatan yang baik.

Namun, ia sebenarnya menyebabkan gangguan dalam prestasi akademik.

Seiring dengan perubahan teknologi, kaedah pembelajaran dalam sistem pendidikan moden mula mengaplikasikan penggunaan warna dalam menyampaikan maklumat tertentu.

Penggunaan warna sebagai kod atau penanda penting dalam carta, graf, peta, lukisan dan papan tulis menyebabkan golongan itu gagal mentafsir dengan baik lalu menyebabkan mereka tertinggal dan gagal memahami konsep yang disampaikan.

Sebagai contoh, mereka mungkin tidak dapat membezakan antara kawasan yang diwarnakan dengan merah dan hijau dalam carta, lalu memberi jawapan yang salah dalam ujian atau kuiz.

Selain itu, tugasan Seni visual, Sains, Geografi dan Pendidikan teknikal yang memerlukan mereka mengenal pasti dan menggunakan warna dengan tepat boleh menjadi cabaran besar buat mereka.

Sebagai contoh, sukar membezakan jenis tanah dalam peta atau memahami kod warna dalam lukisan kejuruteraan menyebabkan berlakunya kekangan dalam subjek-subjek tertentu.

Kesukaran dalam aspek ini boleh membatasi



PENGUNAAN warna sebagai kod atau penanda penting dalam carta menyukarkan si kecil untuk mentafsir. - GAMBAR HIASAN.

pencapaian akademik dan pilihan kerjaya mereka pada masa hadapan.

Kesan daripada situasi ini menyebabkan guru dan rakan-rakan menganggap mereka cuai dan kurang pandai kerana tidak mematuhi arahan warna yang sepatutnya.

Kesannya, kanak-kanak ini akan berasa keyakinan diri semakin menurun, malu dan rendah diri.

Dalam jangka masa yang panjang, mereka mula hilang keyakinan diri dan motivasi untuk terus aktif berinteraksi dalam bilik darjah serta hilang minat untuk mendalami subjek tersebut.

Oleh itu, tindakan pengesanan awal wajar dilakukan bagi membantu golongan ini bagi menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran.

Saringan penglihatan mata yang disarankan sebelum memasuki alam persekolahan tidak boleh hanya tertumpu kepada tahap penglihatan semata-mata.

Ia perlu dijalankan secara komprehensif dan melibatkan ujian pengesanan warna agar langkah awal dapat diambil sekiranya individu tersebut mempunyai masalah buta warna.

Dalam konteks kepakaran Optometris, masalah buta warna bersifat kekal dan tiada sebarang rawatan untuk mengubati.

ALAT BANTU

Namun, gabungan kajian ilmiah dan perkembangan teknologi menghasilkan alat bantu bagi membolehkan pesakit melihat seperti manusia normal.

Misalnya, kanta sentuh atau cermin mata khas ChromaGen Lenses, kanta sentuh RedChroma yang dapat meningkatkan tona warna agar pesakit dapat membezakan warna sekali gus membantu pesakit mengecam warna dengan lebih baik.

Guru juga perlu memainkan peranan dengan mendapatkan pendedahan dan latihan bagi mengenal pasti tanda-tanda buta warna dalam kalangan murid.

Guru juga perlu mencari alternatif lain dalam menyampaikan maklumat selain menggunakan warna dalam sesi pembelajaran seperti menggunakan corak, label atau kod simbol.

Selain itu, peranan pihak kaunselor sekolah dalam membina semula keyakinan diri pelajar yang mungkin terkesan dari segi emosi serta membimbing mereka dalam merancang hala tuju

pekerjaan selepas alam persekolahan.

Buta warna mungkin kelihatan sebagai kekurangan kecil, tetapi kesannya terhadap pembelajaran si kecil tidak boleh dipandang ringan.

Tanpa sokongan yang sepatutnya, kanak-kanak buta warna berisiko menghadapi kesukaran berpanjangan dalam sistem pendidikan.

Maka, penting bagi ibu bapa, guru dan pembuat dasar untuk menyedari kepentingan diagnosis awal dan tindakan yang menyeluruh demi memastikan semua pelajar mendapat peluang pembelajaran yang adil dan saksama.

Di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Pegawai Optometri menawarkan perkhidmatan pemeriksaan awal mata bagi kanak-kanak termasuk ujian penglihatan warna.

HSAAS juga aktif menjalankan pemeriksaan mata kanak-kanak di tadika berdekatan sebagai saringan sebelum memasuki sekolah aliran perdana.

KAPTEN Bersekutu (PA) Mohammad Nor Fitri Hasan ialah Pegawai Optometri, Jabatan Oftalmologi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia.